

15/09/2003

Hicomobil jangka jualan kereta naik

HICOMOBIL Sdn Bhd (Hicomobil), anak syarikat milik penuh DRB-Hicom dan pengedar kenderaan Chevrolet di Malaysia, menjangka jualan kereta negara bertambah baik berikutan pengumuman Bajet 2004 Jumaat lalu.

Jualan kereta susut selepas pembeli kereta menjangkakan harga akan lebih rendah dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Asean (Afta).

Di bawah Afta, duti import bagi program pemasangan tempatan (CKD) yang berasal dari Asean akan dikurangkan daripada paras semasa sebanyak 42 peratus kepada 20 peratus pada Januari 2005 dan kepada lima peratus pada 2008.

Ketika membentangkan Bajet 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata duti eksais akan dikenakan terhadap kereta import apabila duti import dikurangkan mulai 1 Januari 2004.

Beliau juga menggalakkan pengguna Malaysia untuk membeli kereta 'sekarang' untuk mengambil kesempatan langkah kereta kereta asing untuk mengurangkan harga dalam bulan kebelakangan ini dengan purata sebanyak 13 peratus bagi bersaing dalam pasaran.

Daripada kenyataan Dr Mahathir itu, Pengarah Kumpulan (Perkhidmatan) DRB-Hicom Bhd, Datuk Rashid Rahim, berkata, syarikat yakin pembeli yang sebelum ini sangsi untuk membeli kereta hingga mereka mendapat gambaran yang jelas mengenai harga kereta dengan Afta, akan mengubah fikiran mereka.

Bercakap pada sidang media di luar Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 (KLIMS 2003) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), beliau berkata, Hicomobil menjangka menjual 2,500 hingga 3,000 unit Chevrolet tahun ini.

Rashid berkata, hanya 10 hari selepas pelancaran kenderaan Chevrolet di negara, syarikat mendapat lebih 1,000 pesanan bagi empat model berharga antara RM65,000 hingga RM205,000.

Model penjualan terbaik ialah 1.5 liter hatchback Aveo dan the 1.6 liter sedan Optra. Aveo menguasai 60 peratus tempahan manakala Optra, 25 peratus.

Beliau berkata, Hicomobil juga menerima banyak tempahan bagi dua model lain, kenderaan pelbagai guna Nabira dan sedan, Lumina.

Bagaimanapun, Lumina akan diperoleh di sini bulan depan berikutan perubahan model baru-baru ini di Australia disebabkan keperluan memenuhi standard emisi Euro II yang ketat. Sehingga kini, Hicomobil sudah menerima 10 tempahan bagi Lumina.